

Genealogi Agama: Sumbangan H.O.K. Rahmat S.H. (1928-1993) dalam Buku ‘Dari Adam Hingga Muhammad’ (1976)

Geneology of Religions: The Contribution of H.O.K. Rahmat S.H. (1928-1993) in ‘From Adam to Muhammad’ (1976)

INDRIATY ISMAIL
MUHAMMAD KHAIRUL ANUAR MAT SAUPI

ABSTRAK

*Memahami agama dari perspektif pendekatan silsilah adalah salah satu sumbangan utama oleh beberapa sarjana Islam seperti H.O.K Rahmat. Sebagai satu disiplin yang luas, kajian perbandingan agama menggunakan banyak pendekatan yang banyak dikembangkan oleh para sarjana Barat seperti Friedrich Max Müller, salah seorang pengasas bidang pengajian agama terkemuka di Barat. Dalam konteks Malaysia, bidang kajian perbandingan agama masih berkembang tetapi beberapa penulisan dan buku mengenai kajian perbandingan agama telah memberi kesan yang signifikan dari segi pemetaan karya awal mengenai kajian perbandingan agama seperti dalam karya Muhammad Fauzi bin Haji Awang berjudul *World Religions* (1964), diterbitkan oleh Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, serta karya Dr. HOK Rahmat S.H. berjudul *From Adam To Muhammad* (1976), oleh penerbit yang sama. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mengetengahkan H.O.K. Rahmat dan sumbangannya dalam bidang kajian perbandingan agama melalui bukunya *From Adam to Muhammad* serta pentingnya penulisan beliau dalam penjelajahan awal bidang ini. Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu berlandaskan kepada kajian kepustakaan. Temu bual juga dijalankan kepada dua orang sarjana perbandingan agama untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai tokoh dan buku beliau. Ia juga mengesan perkembangan kajian perbandingan agama di Malaysia dan mendedahkan faedah dan kesan buku ini dalam memupuk pemahaman agama dan membina keharmonian di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.*

Kata kunci: H.O.K. Rahmat S.H.; penulis terawal; perbandingan agama; kefahaman; keharmonian

ABSTRACT

*Understanding religions from the perspective of genealogical approach is one of the main contributions by some Muslim scholars such as H.O.K Rahmat. As a broad discipline, comparative study of religions employs many approaches predominantly developed by Western scholars such as Friedrich Max Müller, one of the prominent founders of the field in the West. In the context of Malaysia, the field of comparative study of religion is still growing but some writings and books have had significant impact in terms of mapping earliest works on comparative study of religion as in the work of Muhammad Fauzi bin Haji Awang entitled *World Religions* (1964), published by Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, as well as the work of Dr. H.O.K. Rahmat S.H. entitled *From Adam To Muhammad* (1976), by the same publisher. This paper therefore aims to highlight H.O.K. Rahmat and his contributions in the field of comparative study of religion through his book *From Adam To Muhammad* as well as the importance of his writing in the early exploration of the field. This study is developed by using a qualitative approach based on literature study. Interviews were also conducted with two scholars of comparative religion in order to gain their views about the author and his book. It also traces the development of comparative study of religion in Malaysia and exposes the benefits and effects of this book in fostering religious understanding and building harmony among multiracial and multi-religious societies in Malaysia.*

Keywords: H.O.K. Rahmat S.H.; earliest author; comparative religion; understanding; harmony

PENGENALAN

Seiring dengan perkembangan agama dan ilmu agama maka lahirlah ilmu perbandingan agama yang bertujuan untuk mengkaji agama-agama

secara ilmiah. Disiplin ilmu agama secara umumnya hanya mendalami sesuatu agama sahaja yang diyakini kebenarannya. Ilmu perbandingan agama membincangkan agama-agama secara mendalam iaitu menyentuh berkaitan pengertian agama, sistem

keyakinan, doktrin, disiplin pengibadatan dan ritual-ritual yang dipraktikkan dalam agama. Ilmu perbandingan agama muncul sebagai suatu disiplin keilmuan pada akhir abad ke 19 M dan berkembang daripada satu tahap ke tahap yang lebih sempurna sehingga ke hari ini. Matlamat kajian perbandingan agama meliputi semua agama; agama-agama terdahulu sehingga agama-agama yang ada pada masa sekarang (Tan 2017).

Secara umumnya fokus utama penulisan ini ialah tentang ilmu perbandingan agama yang dibincangkan oleh tokoh Dr. H.O.K. Rahmat dalam karya aslinya *Dari Adam Sampai Muhammad* (1976). Buku ini pada zaman penulisannya sangat diperlukan oleh setiap orang yang ingin mendapat informasi tentang agama-agama yang ada di dunia. Bahkan sehingga kini ia masih menjadi rujukan awam dan pelajar universiti di Malaysia untuk memahami konsep sesebuah agama, bagaimana proses kemunculan sesebuah agama dan penjelasan tentang ajaran-ajaran dalam sesuatu agama. Buku ini masih diperlukan sebagai bahan bacaan dan ini dibuktikan dengan penerusan percetakannya yang ke 4, pada tahun 2008.

Buku *Dari Adam Sampai Muhammad* membincangkan tentang agama-agama dunia bermula dengan agama masyarakat primitif yang berkonseptan kepada animisme sehingga kepada kemunculan agama-agama samawi yang menumpukan kepada konsep Tuhan yang Esa. Kajian juga melibatkan ulasan berkaitan dengan gaya penulisan dan gaya penyampaian yang digunakan oleh pengarang dalam menjelaskan huraian dalam buku beliau. Tulisan mengenai tokoh awal yang melakukan penulisan dan kajian terhadap bidang perbandingan agama khususnya di Malaysia ini sangat signifikan untuk memberi pendedahan tentang kewujudan kajian perbandingan agama di Malaysia dan menjadi titik tolak dalam membentuk kesedaran masyarakat terhadap ilmu perbandingan agama dan kepentingan yang boleh diperoleh (Haslina Ibrahim et al. 2013).

PENGENALAN PENGARANG

Berhubung dengan biodata tokoh atau pengarang buku *Dari Adam Sampai Muhammad* ini, terdapat kesukaran untuk mengumpulkan latarbelakang beliau kerana tokoh sendiri tidak pernah mencatatkan walau sedikit biorafi beliau dalam buku-buku karangan beliau. Begitu juga belum ada tulisan-tulisan sarjana yang membuat kajian tentang beliau

dan sumbangannya. Data-data yang diperoleh dalam tulisan ini kebanyakannya dikumpulkan melalui temu bual yang dijalankan bersama puteri beliau Rahmita Wirza (Rahmita Wirza 2015). Temu bual yang dilakukan terhadap anak perempuan beliau ini adalah sekitar latar belakang ayahanda beliau sahaja dan sebahagian data mengenai beliau tidak betul-betul lengkap. Temu bual juga gagal melibatkan pengetahuan, pengalaman mahupun penguasaan beliau mengenai penulisan buku ayahanda beliau yang sedang dalam kajian.

Dr. H.O.K. Rahmat adalah seorang ilmuwan yang dikenali terutama dalam bidang agama dan khusus kepada bidang perbandingan agama. Nama sebenar beliau Dr. H.O.K. Rahmat bin Dato' Baharuddin bin Dato' Abdullah. Beliau dilahirkan pada tahun 1928 bersamaan 1342 H. dan meninggal dunia pada 7hb Ogos 1993 bersamaan 19 Safar 1414 H, pada jam 9.15 pagi (Rahmita Wirza 2015). Tempat kelahiran dan kematian tidak diperoleh dalam temu bual ini.

Semasa hayatnya Dr. H.O.K. Rahmat telah mendapat pendidikan agama sejak daripada awal lagi. Beliau seterusnya melanjutkan pengajian dalam bidang agama dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan Agama. Beliau seterusnya menyambung pengajian keperingkat Sarjana dalam bidang Undang-undang. Setelah memperoleh Sarjana dalam bidang undang-undang Dr. H.O.K. Rahmat melanjutkan pula pengajian dalam bidang ini dan memperoleh Doktor Falsafah dalam bidang Undang-undang Islam (Rahmita Wirza 2015). Pengkaji gagal mendapatkan sebarang keterangan mengenai nama universiti-universiti tempat beliau menuntut dan memperoleh ketiga-tiga peringkat ijazah beliau.

Berkaitan dengan perihal kerjaya, Dr. H.O.K. Rahmat berkecimpung dalam bidang pekerjaan bermula sebagai seorang guru agama. Dengan keluasan ilmu pengetahuan yang dimiliki, membolehkan beliau menyandang jawatan sebagai peguamcara dan seterusnya menjawat jawatan sebagai pensyarah di Universitas Islam Sumatera Utara. Selepas itu, beliau sekali lagi ditawarkan jawatan pensyarah di Pengajian Yayasan Islam Kelantan. Sebelum beliau meninggal dunia, kerjaya Dr. H.O.K. Rahmat yang terakhir adalah sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (Rahmita Wirza 2015).

Berkaitan dengan sikap dan peribadi pengarang pula, Dr. H.O.K. Rahmat adalah seorang insan yang penyayang. Sikap penyayang yang dimiliki tidak hanya tertumpu kepada manusia semata-mata

namun juga kepada haiwan yang dipelihara. Oleh hal yang demikian, beliau amat disenangi oleh ramai pihak yang mengenali beliau bukan sahaja bersikap penyayang namun juga seorang yang suka untuk tolong-menolong tanpa mengira pangkat dan perbezaan yang ada. Beliau juga merupakan seorang yang sering menghabiskan masa yang terluang dengan membaca buku bagi menambahkan ilmu pengetahuan yang telah sedia ada. Selain itu, beliau juga seorang yang tidak kedekut ilmu dan sering mengajar dan berkongsi ilmu pengetahuan yang ada pada diri beliau dengan masyarakat sekeliling. Beliau juga tidak lokek untuk menceritakan pengalaman yang dilaluinya untuk memberi pengajaran dan faedah-faerah yang dapat diambil daripada apa yang diceritakan (Rahmita Wirza 2015).

Sumbangan pengarang dalam bidang keilmuan sememangnya suatu perkara yang amat besar dan memberi banyak faedah kepada penambahan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang perbandingan agama. Hal ini kerana beliau adalah penulis yang terawal membincangkan mengenai agama-agama yang terdapat di dunia atau lebih dikenali sebagai perbandingan agama yang mana pada ketika itu bidang perbandingan agama banyak hasil kajian dan perbincangan mengenainya dilakukan oleh golongan ilmuwan Indonesia seperti Ahmad Shalaby 1977, Abu Ahmadi 1991 dan Djohan Effendi 1995.

Karya tokoh bertajuk *Dari Adam Sampai Muhammad* yang diterbitkan pada tahun 1976, oleh Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, merupakan sebuah karya yang menjelaskan agama-agama yang wujud di dunia ini meliputi kepercayaan, aliran, ajaran-ajaran, dan kitab suci yang terdapat dalam satu-satu agama. Karya lain yang dihasilkan oleh beliau adalah sebuah buku yang ditulis secara bersama dengan Mohd Radzi Othman, rakan seperjuangan beliau semasa memegang jawatan pensyarah di Universiti Sains Malaysia. Buku bertajuk *Gerakan Pembaharuan Islam* (2008) terbitan Penerbit Universiti Sains Malaysia ini melibatkan kajian di Negeri Perlis dan bidang berkaitan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

ULASAN BUKU

Bahagian kedua penulisan ini mengupas bab-bab yang ditulis oleh Dr. H.O.K. Rahmat dalam buku perbandingan agama ini bermula dari Kata Pengantar hingga ke bab terakhir. Ulasan ke atas buku ini dibuat oleh pengkaji sendiri memandangkan buku ini tidak pernah dikaji oleh sesiapa pun sarjana akademik

malahupun sarjana perbandingan agama semasa tanah air sejak dahulu hingga sekarang. Malahan tidak pernah ditemui ulasan buku atau artikel khusus tentang sumbangan beliau dalam mana-mana jurnal dahulu dan sekarang. Justeru ulasan terhadap penulisan beliau keseluruhannya bersifat deskriptif dan lebih kepada memperkenalkan kandungan ilmu perbandingan agama yang diterokai beliau. Ulasan juga tidak melibatkan kritikan terhadap tokoh atau kelemahan penguasaan ilmu perbandingan agama malah mengagumi kewibaan dan kehebatan beliau serta sumbangan ilmu perbandingan agama yang digali oleh beliau pada ketika itu.

RINGKASAN KATA PENGANTAR

Pada permulaan tulisan buku *Dari Adam Sampai Muhammad* ini, Dr. H.O.K. Rahmat telah menerangkan bahawa manusia adalah makhluk yang secara fitrah lahir dengan berkehendakkan kepada agama. Agama tauhid adalah agama Islam iaitu sebuah agama yang benar. Agama Islam adalah satu-satunya agama yang mampu membimbing manusia untuk mengenal Allah SWT, Tuhan yang Maha Esa lagi Maha Agung. Beliau seterusnya mendedahkan juga bahawa walaupun Tuhan menegaskan bahawa agama yang sebenar adalah agama Islam, namun ada perkara-perkara yang boleh membuatkan manusia itu menyimpang daripada kepercayaan yang sebenar. Manusia mempunyai daya khayal dan daya itu kadang-kadang melebihi akal yang mampu difikirkan secara fitrah dan menyimpang daripada kepercayaan kepada Tuhan yang Esa (Rahmat 2008).

Buku ini juga menegaskan bahawa agama yang paling jelas dan yang terus menerus mampu mempertahankan ketauhidannya sepanjang zaman adalah agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. Berbeza dengan agama lain yang berbeza mengikut peredaran masa dan sentiasa mengsyirikkan Allah (al-Quran, al-Kafirun 9: 1-6). Buku ini mengandungi tujuh bab yang mana setiap bab menghuraikan kepercayaan-kepercayaan dan agama-agama yang ada di dunia ini.

ULASAN BAB 1: TEORI EVOLUSI MENGENAI AGAMA DAN TANTANGAN TERHADAPNYA

Bab pertama ini menjelaskan tentang definisi-definisi kepercayaan yang dianuti oleh semua manusia di dunia. Antara definisi kepercayaan yang disebutkan dalam buku ini adalah takrifan kepada tiga pecahan agama. Pertama monoteisme, merujuk kepada kemutlakan dan keesaan Tuhan,

kedua politeisme yang bermaksud kepercayaan kepada banyak Tuhan, dan yang ketiga, animisme iaitu kepercayaan primitif yang mempercayai adanya jiwa dan roh yang dapat mempengaruhi kehidupan alam manusia. Edward B. Taylor seorang yang mengkaji bidang ketuhanan mengatakan bahawa dalam peringkat yang pertama manusia mempercayai adanya makhluk-makhluk halus yang berperibadi; boleh jadi makhluk itu bernama hantu atau jin ataupun arwah nenek moyang (Rahmat 2008: 4). Pecahan atau perkembangan progresif agama-agama yang dikaji oleh tokoh ini seiring dengan kajian sarjana perbandingan agama di Barat (Jevon 1977).

Proses evolusi bermula daripada animisme yang mempercayai kuasa selain daripada manusia dan ekoran daripada evolusi ekonomi dan bangsa maka kepercayaan animisme berubah menjadi monoteisme dan politeisme yang telah mula mempercayai Tuhan. Dari politeisme kepercayaan manusia meningkat kepada monoteisme, mempercayai hanya satu Tuhan. Mengikut Taylor agama monoteisme merupakan hasil terakhir daripada perkembangan kecerdasan manusia; selepas melalui animisme, politeisme berakhir dengan monoteisme (Rahmat 2008: 5, Jevon 1977).

Permasalahan mengenai evolusi agama ini dikembangkan lagi oleh pengarang dengan pandangan Islam. Islam mengatakan manusia yang pertama iaitu Adam adalah manusia yang pertama yang meyakini dan menyembah Allah SWT, Tuhan yang Maha Esa. Agama asal manusia adalah Islam sebagaimana ditegaskan oleh al-Quran, Ali ‘Imran 3: 19. Ayat ini menjelaskan bahawa Islam bukan hasil daripada suatu evolusi dalam perkembangan fikiran manusia terhadap Tuhan, tetapi ia adalah fitrah Allah ke atas manusia seluruhnya. Pengenalan manusia kepada Tuhan yang Maha Esa bukan kerana pelajaran atau pengalaman, melainkan fitrah semulajadi yang sudah ada dalam dirinya sendiri. Ketika Adam dilahirkan tanpa diajar untuk mengabdikan dirinya kepada Tuhan, beliau telah dengan sendirinya kenal Tuhan dan mengabdikan dirinya kepada Allah yang Maha Esa. Islam juga bukan hasil daripada perkembangan sejarah kebudayaan manusia (Rahmat 2008: 9).

ULASAN BAB 2: KEPERCAYAAN PRIMITIF

Bab kedua menceritakan tentang bagaimana manusia mampu untuk mengenal kepercayaan kepada perkara-perkara ghaib yang bermula pada zaman primitif. Kepercayaan yang dimaksudkan

di sini ialah seluruh kepercayaan kepada yang ghaib, zat supernatural, termasuk kepercayaan kepada adanya Tuhan, dewa, hantu atau tenaga ghaib lainnya. Tetapi tidak semua kepercayaan itu melahirkan upacara. Ada kepercayaan yang bersifat individual; hanya ada dalam diri seseorang dan tidak menunjukkan kesan langsung ke atas perbuatan manusia (Rahmat 2008: 20).

Kepercayaan manusia primitif lebih banyak berkisar tentang kepercayaan yang lahir daripada pemikiran dan pengamatan. Dalam bab kepercayaan ini pengelasan tentang agama bermula dari Dinamisme ataupun kepercayaan kepada tenaga selain daripada manusia, haiwan dan tumbuhan. Sebagai contoh amulet, satu benda yang dipercayai mampu untuk menangkis serangan jahat bagi orang yang memakainya, seperti tangkal dan azimat (Rahmat 2008: 21).

Kepercayaan seterusnya ialah Animisme yang bermaksud kepercayaan bahawa jiwa atau roh boleh mempengaruhi kehidupan manusia. Menurut kepercayaan masyarakat primitif roh adalah satu perkara yang amat memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka dan salah satu elemen besar dalam kepercayaan mereka. Bab ini menceritakan bagaimana perkara yang melibatkan roh menjadi satu perkara yang amat dititikberatkan khususnya orang yang telah mati (Rahmat 2008: 23). Geoge Kerlin Park menegaskan roh sama ada baik atau jahat dalam kepercayaan Animisme memainkan peranan penting malah menjadi nadi kepada masyarakat primitif dan akan mencorakkan upacara persembahannya (Park 2019).

Kepercayaan lain seperti pemujaan nenek moyang dan pemujaan alam juga dijelaskan dalam bab ini sebagai kepercayaan masyarakat primitif. Pemujaan nenek moyang adalah satu tahap lebih tinggi daripada animisme dan kepercayaan ini adalah berasal daripada agama-agama asli di negeri China dan Jepun. Kepercayaan pemujaan alam pula adalah pengibadatan terhadap alam dalam kalangan umat manusia contohnya dari kalangan kaum tani. Pemujaan matahari misalnya dipandang sebagai pemberi kehidupan kepada semua hidupan di alam ini (Rahmat 2008: 25; Park 2019).

Kepercayaan Magi-Religi juga turut dijelaskan sebagai salah satu kepercayaan masyarakat primitif. Magi-Religi ialah satu upacara yang melibatkan persamaan kedua-duanya. Magi adalah istilah yang dipakai untuk menamai tindakan-tindakan tertentu yang lahir daripada kepercayaan seseorang kepada kekuasaan ghaib yang tidak berperibadi

dengan tujuan memerintah kekuatan itu supaya tunduk kepada kemahuan manusia. Religi ialah perbuatan yang bersifat memuja makhluk ghaib yang berperibadi dan membujuknya agar ia berbuat sesuai dengan kehendak manusia. Satu bersifat memerintah dan yang satu lagi bersifat merayu (Rahmat 2008: 28).

ULASAN BAB 3: PENGELOMPOKAN AGAMA-AGAMA DUNIA

Bab ketiga membicarakan tentang pengelompokan agama-agama yang terdapat di dunia ini. Takrif agama dibincangkan dalam bab ini untuk menjelaskan makna agama dan tahap pembahagian penerimaan dalam beragama. Pengelompokan agama bermula dari agama primitif dan agama maju, bilangan Tuhan yang disembah dalam kepercayaan dan kelompok agama misionari atau bukan misionari.

Primitif bermakna kehidupan yang masih bersahaja dan pemikiran yang masih sederhana. Dari sudut kehidupan orang primitif masih amat tergantung kepada alam. Pengolahan alam hampir tidak ada atau sedikit sekali. Mereka mencari nafkah dengan berburu dan memungut buah-buahan liar. Jika ada pertanian atau penternakan sedikit sahaja usaha itu dan amat terikat kepada alam. Mereka memerlukan hujan yang diberi oleh alam dan rumput yang disediakan oleh alam. Dari segi cara berfikir, pada umumnya mereka belum rasional, tidak logik dan perasaan lebih menguasai daripada akal. Mereka sukar untuk mengubah tradisi nenek moyang. Cara berfikir mereka hampir seluruhnya terikat dengan alam ghaib. Permisahan antara alam natural dengan alam supernatural hampir-hampir tidak ada (Rahmat 2008: 35).

Allan Menzies dalam analisisnya tentang sejarah agama-agama memperakui hubungan masyarakat primitif dan keeratan mereka dengan alam sekitar (Menzies 2016). Pengkaji mendapati analisis pengarang mengenai pengelompokan agama-agama ini tidak mempunyai pertelingkahan fakta sedikit pun dengan sejarah perkembangan kelompok agama kajian sarjana-sarjana Barat seperti Park (2019) dan Menzies (2016).

Walaupun primitif dianggap secara mudahnya sebagai kolot, namun sukar untuk mengadakan satu garis pemisah yang jelas antara primitif dan maju. Ini kerana ada di kalangan manusia yang maju masih lagi mengamalkan unsur-unsur primitif, seperti menggunakan bomoh dan sebaliknya di kalangan manusia yang primitif ada juga yang menggunakan unsur-unsur yang maju. Demikian juga kepercayaan

primitif seperti Animisme dan Dinamisme tidak semuanya salah atau tidak betul. Meskipun banyak tidak benarnya tetapi masih ada unsur-unsur yang betul. Demikian juga kepercayaan terhadap adanya roh yang menjadi ciri khas

Animisme juga dijumpai dalam agama-agama maju seperti Islam dan Kristianiti. Hanya mengenai kehidupan dan sifat-sifat roh itu sahaja kedua-dua kelompok kepercayaan itu berbeza (Rahmat 2008: 36, Park 2019).

Pengelompokan kedua adalah berdasarkan teras akidah agama iaitu jumlah tuhan yang disembah. Animisme berada pada peringkat yang paling bawah dalam golongan ini kerana ia mempercayai roh-roh yang jumlahnya sangat banyak dan dalam kadar tertentu masing-masing boleh memberi pengaruh ke atas kehidupan manusia. Seterusnya adalah kelompok agama-agama Sino-Jepun yang mempunyai sejumlah roh pujaan dan meningkatkannya kepada sesuatu kadar ketinggian sesuai dengan peradaban mereka yang mulai mengenal kemakmuran dan bentuk organisasi kerajaan-kerajaan bertamadun. Pada peringkat ketiga adalah agama-agama Indo-Iran yang lebih memperkecil jumlah dewa pujaan serta mempertinggi darjah dan kemuliaan mereka.

Rahmat menegaskan lagi pada puncak yang paling tinggi adalah agama-agama Samiyah (Samawiyah); Yahudi, Kristian dan Islam, yang menonjolkan keesaan Tuhan dan kemutlakan kekuasaan-Nya sehingga tidak ada suatu pun kekuatan yang dapat menyaingi-Nya. Dari ketiga agama ini pula, Islam adalah yang paling tauhid, dan yang paling memutlakkan kekuasaan dan keesaan Tuhan (Rahmat 2008: 48).

Pembahagian yang ketiga adalah mengelompokkan agama-agama itu kepada golongan agama-agama misionari dan non-misionari. Agama-agama misionari adalah agama yang terus disebarluaskan ke tengah-tengah umat manusia dengan jalan melakukan tabligh dan dakwah para muballigh, dan da'ie. Agama-agama ini menuntut persaudaraan umat manusia dengan dasar pandangan bahawa mereka itu bersaudara. Agama-agama yang tergolong dalam agama misionari adalah agama Kristian, Islam dan Budhisme. Selain daripada ketiga-tiga agama ini semuanya tergolong dalam non-misionari (Rahmat 2008: 49).

Salah seorang sarjana Barat terkemuka dalam perbandingan agama, William E. Paden (2012) mengemukakan bahawa pandangan baru dalam meninjau perkembangan agama ialah dengan melihat proses evolusi agama dalam bentuk atau model yang dibawa oleh kelompok pengembang agama. Kelompok paten ini berkembang secara

global dalam kebanyakan agama dan budaya. Pengkaji mendapati pembahagian kelompok yang dibuat oleh tokoh agak terkehadapan malah tiada percanggahan dengan kajian moden.

Dr H.O.K. Rahmat dalam bahagian akhir bab ini mengatakan pandangannya bahawa pada masa kini agama misionari yang paling aktif adalah agama Kristian dan Islam. Persaingan antara kedua-dua misionari ini amat terasa lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan yang mana rata-rata penduduknya masih lagi menganut animisme. Walaupun berlaku pertentangan di antara kedua-dua agama misionari ini, kedua-duanya mempunyai kelebihan dan kekurangan masing. Agama Kristian mempunyai kelebihan dari segi dana manakala agama Islam pula kuat dari segi persaudaraannya (Rahmat 2008: 52; Paden 2012).

ULASAN BAB 4: AGAMA-AGAMA SINO-JEPUN

Perbincangan dalam bab keempat ini menjelaskan tentang beberapa agama yang terkandung dalam agama-agama Sino-Jepun iaitu Kongfusianisme, Taoisme dan Shinto. Pertama berkaitan ajaran Kongfusianisme. Perbincangan dimulakan dengan riwayat hidup pengasas ajaran agama ini dan kemudiannya menyentuh isi ajaran Tao itu sendiri. Seterusnya bab ini juga menjelaskan tentang ajaran Shintoisme yang mengandungi penjelasan berkaitan dengan asal usul agama Shinto dan menceritakan tentang Bushido iaitu aturan kepada tentera

Ch’iu atau Kung-Fu-Tze merupakan seorang anak yatim setelah kematian bapanya pada umur tiga tahun. Ch’iu dikenali ramai kerana beliau sering mengeluarkan pendapat yang bernas dan bijaksana serta umumnya masyarakat mendapat jawapan yang memuaskan. Pengunjung-pengunjung yang mengagumi beliau kemudiannya mengelar beliau sebagai Kung Fu Tze yang bererti Yang Dipertua Kung (Rahmat 2008: 57).

Ajaran Kung-Fu-Tze pada pokoknya berkisar tentang tata-susila, kesopanan dan akhlak. Meskipun beliau beberapa kali menyebut tentang alam ghaib tetapi titik pusat ajarannya bukan terletak kepada kehidupan sesudah mati melainkan kehidupan yang dilalui dewasa ini. Tentang persoalan berkaitan roh orang yang telah mati beliau mengingatkan bahawa anda tidak mampu berfikir tentang roh sekiranya anda tidak mampu berkhidmat kepada manusia (Rahmat 2008: 59). Kupasan dan pertanyaan yang serupa berkenaan roh ini turut dianalisis oleh Reza Aslan dalam bukunya *God: A Human History* (Aslan 2017: 167).

Meskipun pengkhususan ajaran Kung-Fu-Tze berpusat kepada tata susila, etika, dan moral, namun setelah kematiannya tumbuh bermacam-macam peribadatan daripada penganutnya. Pada kurun ketujuh rumah-rumah pemujaan telah dibina untuknya dan beliau diberi kedudukan setaraf dengan dewa. Korban diberikan kepadanya sebagaimana diberikan kepada dewa-dewa lain (Rahmat 2008: 74).

Ajaran seterusnya ialah Taoisme. Agama Tao adalah satu daripada tiga agama besar yang ada di China iaitu Konfusianisme, Taoisme, dan Budhisme. Pembawa agama Tao adalah Lao-Tze seorang tokoh yang mana sekiranya ditinjau dari sudut sejarah adalah kabur dan samar. Tidak banyak yang diketahui tentang riwayat hidupnya (Rahmat 2008: 76, Aslan 2017: 168). Ajaran-ajaran Lao-Tze bertumpu hanya di sekitar Tao. Barat kemudiannya menamakan ajaran ini sebagai Taoisme. Taoisme sendiri tidak merumuskan dengan positif apakah Tao itu sebenarnya?. Ajaran ini juga tidak menegaskan apa hakikat Tao kerana memang tidak dapat dirumuskan dengan kata-kata. Tao adalah wujud asasi dan tidak dapat dibayangkan sama sekali kerana perkara ini terkeluar daripada pemikiran manusia. Tao berada di luar pemikiran dan khayalan manusia serta tidak dapat difikirkan dengan akal biasa (Rahmat 2008: 80, Aslan 2017: 167-168).

Hubungan antara negara Jepun dan China melahirkan sebuah agama yang dikenali sebagai agama Shintoisme. Negara Jepun terletak di pinggir negara China. Agama asli mereka mempunyai persamaan iaitu agama yang berdasarkan kepada pemujaan roh; roh-roh alam dan roh-roh nenek moyang (Rahmat 2008: 93). Sejarah negara Jepun menjelaskan tentang bangsa yang selalu berperang dan dalam pemerintahan Jepun pada masa itu perajurit atau askar berada pada kedudukan tertinggi dan para perwira dianggap sebagai kesatuan yang utama. Sehubungan dengan itu disusun tatatertib kepada para satria supaya dapat melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh. Aturan-aturan yang diperkenalkan kepada perajurit ini dikenali sebagai Bushido (Rahmat 2008: 95). Shintoisme mengajar orang Jepun supaya mewarisi cinta kepada alam dan mengabdikan diri kepada alam. Mereka mendirikan rumah-rumah pemujaan kepada dewa-dewa alam di gunung-ganang yang mereka kunjungi untuk melaksanakan upacara-upacara pemujaan dengan memakai pakaian yang indah bagi menunjukkan rasa cinta mereka kepada alam (Rahmat 2008: 100, Kellos 2016).

ULASAN BAB 5: AGAMA-AGAMA INDO IRAN

Perbincangan dalam bab kelima berkaitan dengan agama-agama Indo Iran. Agama yang terangkum dalam agama Indo-Iran ini adalah agama-agama seperti Hinduisme, Buddhisme, Jainisme, Sikhisme dan Zarathustraism.

Hinduisme wujud dianggarkan lebih kurang 4000 tahun dahulu. Agama ini tidak mempunyai ciri khas sebagaimana yang dijumpai pada agama Islam dan Kristian. Hinduisme adalah suatu agama yang kompleks kerana menerima berbagai unsur. Kemasukan bangsa Arya dan lembaran Veda telah melahirkan agama di India (Rahmat 2008: 103; Kellos 2016). Veda bermaksud pengetahuan dan dibentuk daripada himna atau nyanyian pujaan yang dinyanyikan oleh para Brahmin berbangsa Arya (Rahmat 2008: 104). Selepas Veda datang kitab Upanishad yang mengandungi kisah pertemuan antara murid-murid dan guru-guru mereka. Mengikut kepercayaan Hindu, Upanishad diwahyukan dari alam ghaib dan digelar sebagai Vedanta iaitu akhir kepada segala Veda (Rahmat 2008: 106). Salah satu ajaran dalam agama Hindu adalah Yoga yang merupakan metode untuk mencapai keselamatan dan pada dasarnya merupakan suatu sistem penguasaan tubuh dan fikiran. Tujuan melakukan Yoga ialah untuk membebaskan diri secara lengkap dan bermatlamat mencapai kesatuan dengan Tuhan (Rahmat 2008: 110, Kellos 2016).

Buddhisme adalah ajaran agama yang diasaskan oleh Sidharta Gautama. Gautama mendapat kebenaran agung dan ilmu yang benar ketika beliau berada di bawah sebuah pokok yang dinamakan ‘Kayu Bodhi’ atau kayu penerangan. Gautama duduk bermeditasi sehingga mendapat ‘cahaya’ dan demikian beliau menjadi seorang Buddha, yang bermaksud ‘Orang yang mendapat Penerangan’ (Rahmat 2008: 145). Setelah memperoleh ‘penerangan’, beliau membimbing orang lain juga menuju arah yang benar. Beliau pergi ke Benares, menyampaikan ‘Khutbah Benares’ atau ‘Khutbah Penggerak Roda Ajaran Hukum’ yang ditujukan kepada pengikutnya (Rahmat 2008: 146). Kisah mengenai Khutbah Benares ini memang terkenal fakta sejarahnya dalam berbagai-bagai buku perbandingan agama di dunia (Marcus Dods 2016).

Pengajaran Budha pada amnya mengenai kebaikan moral dan rohaniah. Ajaran ini mengajar untuk membebaskan diri sendiri tanpa bantuan para dewa (Rahmat 2008: 153). Walaupun ajaran Buddhisme nampak berbeza dengan Hinduisme, namun ajaran Buddha tumbuh di tengah-tengah

masyarakat Hindu dan mempunyai latarbelakang kebudayaan Hindu. Dari agama Hindu misalnya Budhisme mewarisi ajaran mengenai karma yang merupakan hukum alam tentang sebab dan akibat. Contohnya, perbuatan baik akan membolehkan kelahiran yang akan datang dalam keadaaan yang baik dan begitulah sebaliknya (Rahmat 2008: 159, Marcus Dods 2016).

Pengaruh Hinduisme dan Budhisme juga dapat dilihat di nusantara seperti di Indonesia dan Malaysia. Hindu-Buddha juga pernah bertapak di Malaysia namun agama ini hampir tidak meninggalkan bekas di kalangan penduduk Melayu. Barangkali kesan-kesannya masih terlihat pada sebahagian adat-istiadat Melayu dan pada seni wayang kulit yang masih dimainkan oleh sesetengah masyarakat Melayu. Seni wayang kulit memaparkan kisah-kisah epik Mahabhrata dan Ramayana, namun sudah tiada lagi hubungannya dengan keagamaan penduduk kerana mereka menganut Islam dengan lengkap (Rahmat 2008: 182).

Seterusnya adalah ajaran Jainisme. Menurut Dr H.O.K. Rahmat agama Jain tidak mungkin dianut oleh semua orang kerana ajaran agama ini tidak membenarkan aktiviti pertanian, kerana dikhuatiri akan membunuh cacing-cacing yang berada di dalam tanah. Banyak lagi pekerjaan yang tidak diizinkan kerana khuatir akan terbunuh benda-benda bernyawa. Oleh kerana ajaran ini banyak pantang larang maka agama ini tidak disebarluaskan keluar dari India. Bahkan di India sendiri pengikutnya tidak banyak berbanding dengan jumlah penduduk India yang ramai (Rahmat 2008: 192; Menzies 2016).

Agama Sikhisme wujud ekoran daripada kemasukan umat Islam ke lembah Sungai Indus lebih banyak bersifat dakwah daripada menguasai. Oleh kerana askar Muslimin yang datang menunjukkan sikap bersahabat dengan penduduk Hindu menyebabkan penduduk di situ tertarik dengan Islam dan menjadi pengaruh yang besar di kawasan Sungai Indus yang dikenali kini dengan negara Pakistan (Rahmat 2008: 194, Menzies 2016). Serban dan rambut panjang adalah tanda pengenalan orang Sikh yang paling mudah dilihat. Kota suci agama Sikh ialah Amritsar. Dalam rumah ibadat Sikh tiada berhala kerana titik pusat rumah ibadat kaum Sikh adalah kitab sucinya iaitu Adi Granth. Agama Sikh adalah agama yang mempersatukan berbagai unsur daripada dua agama besar di India pada masa itu, Hindu dan Islam (Rahmat 2008: 199).

Seterusnya adalah agama Zarathustra. Pengikut agama ini hanyalah 150,000 orang sahaja yang mana sebahagian besarnya tinggal di kawasan

Bombay, India dan beberapa tempat di India Barat dan Pakistan, serta tersebar pula di Iran. Nama yang lebih banyak digunakan untuk mereka ini ialah orang Parsi, yang mengingatkan asal-usulnya yang datang dari negeri itu. Nenek moyang mereka dahulunya adalah para pengungsi yang merasa dirinya asing di negeri sendiri disebabkan sebahagian besar rakyat telah memilih Islam sebagai agamanya (Rahmat 2008: 202; Doyce 2010).

Kitab suci agama Zarathustra adalah Avesta dan Zend-Avesta. Berbagai tulisan dimasukkan ke dalamnya dan yang paling tua usianya ialah bahagian yang bernama Gatha, bererti ‘nyanyian’. Dalam Gatha, terdapat keterangan bahawa Zarathustra menolak semua dewa dan menaklukkan diri hanya kepada Ahura Mazda, iaitu Tuhan yang telah menurunkan wahyu kepada Utusan-Nya yang bernama Zarathustra. Ahura Mazda mencipta alam dengan segala isinya. Bagi Zarathustra manusia bukan wujud yang tidak bermula melainkan ia dicipta oleh Tuhan dan akan kembali kepada Tuhan (Rahmat 2008: 214, Doyce 2016). Mengikut agama Zarathustra, tanah dan api adalah benda suci yang tidak boleh dikotori oleh mayat manusia. Oleh itu, mayat tidak dikuburkan dalam tanah seperti ajaran agama-agama Samiyah dan tidak pula dibakar seperti dalam agama-agama di India. Tetapi mayat diletakkan pada dahma atau ‘menara sunyi’ agar mayat itu dimakan burung-burung gagak yang berterbang mencari mangsa (Rahmat 2008: 216).

ULASAN BAB 6: AGAMA-AGAMA SAMIYAH

Istilah Samiyah diambil daripada nama seorang anak Nabi Nuh yang bernama Sam Ibnu Nuh. Rumpun bangsa Samiyah adalah suatu rumpun bangsa yang mendiami Asia Barat yang dianggap sebagai keturunan Sam Ibnu Nuh. Dari sudut ras mereka adalah sebahagian daripada ras Mediterania, iaitu bangsa-bangsa yang bertempat tinggal di sekililing Laut Mediteranian (Rahmat 2008: 219).

Bangsa Yahudi adalah salah satu puak Samiyah. Bangsa ini telah banyak berjasa dalam sejarah pertumbuhan tamadun manusia. Bangsa Yahudi juga disebut sebagai Bani Israel yang bererti ‘anak-anak Israel’. ‘Israel’ bermakna ‘Hamba Tuhan’ dalam bahasa Ibrani. Nabi Yaakub dianggap sebagai nenek moyang kepada Bani Israel. Nabi Yaakub mempunyai 12 orang anak. Mereka inilah yang pada mulanya dinamai ‘Bani Israel’ (Rahmat 2008: 220).

Nabi dan utusan Allah banyak lahir daripada bangsa-bangsa Samiyah. Agama-agama yang disebarluaskan oleh Nabi-nabi Samiyah ini mempunyai

ciri-ciri khas iaitu agama yang dibawa oleh mereka kekal hingga pada zaman ini. Ciri ajaran agama Samiyah adalah mengakui dan mengajarkan pengabdian kepada Tuhan yang Maha Esa. Tuhan juga adalah satu-satunya Pencipta kepada segala yang ada dan Maha Sempurna. Agama-agama Samiyah yang ada sekarang ini iaitu Yahudi, Kristian dan Islam adalah berdasarkan prinsip-prinsip tersebut (Rahmat 2008: 220, Qureeshi 2016).

Kitab Suci orang Yahudi terkandung dalam Bible ataupun khususnya dinamakan sebagai Perjanjian Lama oleh orang Kristian. Bible adalah sebuah kumpulan tulisan-tulisan agama Yahudi lebih kurang 1000 tahun sebelum Masihi. Mereka percaya bahawa tulisan-tulisan yang terkandung di dalamnya adalah wahyu Ilahi yang diturunkan kepada Nabi-nabi Bani Israel. Bahagian yang tersuci daripada kitab Bible adalah Taurat (Rahmat 2008: 222). Talmud pula adalah syarahan dan tafsir Bible dari zaman belakangan. Talmud mengandungi hukum bagi perkembangan baru serta merangkumi sejumlah besar ajaran akhlak dan budi pekerti dan juga terkandung nasihat-nasihat yang bersumberkan dari Taurat. Dalamnya juga terkandung pengesahan tentang ketuhanan yang Esa. Nama-nama lain untuk Tuhan selain Yahveh atau Yehova juga dikemukakan nama-nama Elohim dan Adonai. Nama Sechinaj dikemukakan dalam pengertian kebatinan (Rahmat 2008: 228; Qureeshi 2016).

Agama Samiyah yang seterusnya adalah Kristian. Jesus Kristus atau Isa a.s. berasal daripada Bani Israel dari Galilea, keturunan Nabi Daud a.s. Pada masa kelahiran Isa, Bani Israel ketika itu berada dalam keadaan tertindas kerana penguasaan Rumawi mahupun oleh orang-orang Yahudi sendiri yang menjadi tali barut penjajah. Umat Bani Israel sejak dari Nabi Musa a.s. lagi mempercayai bahawa dalam masa kaum Bani Israel hidup tertekan, Yehovah akan mengutuskan seorang penyelamat yang akan melepaskan mereka daripada tekanan-tekanan dan membimbing mereka menuju suatu kehidupan yang penuh kedamaian dan keadilan. Mereka menggelarkannya sebagai Messiah (Rahmat 2008: 264, Qureeshi 2016).

Kitab suci Kristian adalah Bible yang mengandungi ‘Perjanjian Lama’ atau Old Testament yang bererti perjanjian antara Tuhan dengan Bani Israel pada zaman dahulu dan adalah kitab suci bangsa Yahudi. Bahagian kedua dalam Bible adalah ‘Perjanjian Baru’ atau New Testament yang merujuk kepada perjanjian Tuhan melalui Jesus Kristus (Rahmat 2008: 309). Sebahagian besar umat Kristian mempercayai Triniti yang merupakan rangkuman

daripada pertama, Tuhan Bapa iaitu Pencipta sekalian alam yang berada di syurga. Kedua, Tuhan Anak iaitu Jesus Kristus yang merupakan Tuhan atau ‘firman yang hidup’ bersama-sama manusia yang datang ke dunia sebagai penyelamat yang mengorbankan dirinya di atas kayu salib untuk melepaskan manusia daripada dosa, dan yang ketiga adalah Roh Kudus atau roh Tuhan yang boleh menyerap masuk kedalam peribadi orang-orang suci (Rahmat 2008: 318).

Mengikut kepercayaan Kristian, Jesus Kristus mati disalib di atas kayu palang sebagai korban untuk menebus dosa manusia dan sebagai peluang bagi orang Kristian untuk bertaubat dari segala dosa termasuk dosa yang diwarisi daripada Adam. Dalam kepercayaan Kristian juga pensaliban Jesus adalah pokok kepada keimanan dan seseorang belum menjadi Kristian yang baik sekiranya tidak mengimani pensaliban Jesus (Rahmat 2008: 323). Dr H.O.K. Rahmat menggulung bab ini dengan merumuskan sejarah Kristianiti di nusantara berjalan sama dengan sejarah penjajahan orang Barat di kepulauan ini. Sejak pertama kali orang Barat menjekukkan kaki dan mencekamkan pengaruhnya di bumi nusantara ini, mereka telah mula menyebarkan ajaran agama Kristian mereka di sini. Bahkan penyebaran agama adalah salah satu tujuan mereka datang ke nusantara (Rahmat 2008: 327).

ULASAN BAB 7: ISLAM AGAMA ALLAH SWT

Agama Samawi yang seterusnya dan yang terakhir ialah agama Islam iaitu agama Allah SWT. Agama Islam pada awalnya menjelaskan tentang Nabi Muhammad s.a.w. iaitu Nabi kepada umat Islam. Nabi Muhammad s.a.w. dari kabilah Quraisy iaitu kabilah yang amat disegani di kalangan puak-puak Arab kerana mempunyai banyak kelebihan. Mereka percaya bahawa kabilah Quraisy adalah satu cabang daripada keturunan Nabi Ismail bin Ibrahim a.s. yang sejak zaman dahulu berdiam di Kota Mekah dan di sekitar bandar itu (Rahmat 2008: 341; Naik t.th.).

Nabi Muhammad s.a.w. pada masa pemerintahannya telah membentuk satu kekuasaan politik. Kekuatan politik digunakan untuk menjaga kemurniaan agama, melindungi dan meluaskan penyebaran Islam, dan menjaga kepentingan rakyat. Kekuasaan politik selepas Nabi Muhammad diwarisi pula oleh Khalifah yang empat iaitu Khalifah Abu Bakar, Khalifah Umar, Khalifah Ali, dan Khalifah Uthman. Seterusnya kepada Bani Umaiyah dan diganti dengan Bani Abasiyah. Pada suatu masa

kekuatan politik Islam itu besar dan meluas dan pada masa yang lain mulai mengecil, tetapi pada semua tempoh masa tetap ada kekuatan politik umat Islam. Daripada semua agama yang ada, Islam sat-satunya agama yang tidak mengalami perubahan sejak mula hingga akhir. Berbeza dengan agama-agama sebelumnya, Islam mempunyai bentuk yang tetap dan konkrit sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. lagi dan al-Quran sebagai sumber utamanya telah ditulis di zaman Rasulullah s.a.w. (Rahmat 2008: 354; Naik t.th.).

Islam adalah agama yang mentauhidkan Allah SWT dengan sebenar-benar tauhid. Islam menjaga ketauhidan dengan begitu elok dan teliti. Ini dapat dibuktikan apabila seseorang itu memeluk Islam, hendaklah dia mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad s.a.w. itu adalah pesuruh Allah dengan mengucap dua kalimah syahadah. Kalimah syahadah ini sememangnya menjadi kelaziman bagi orang Islam khususnya kerana diucap berulang kali dalam sembahyang dan dalam kehidupan sehari-hari Muslim. Hal ini kerana dalam kalimah syahadah inilah umat Islam memuji dan mengagungkan keesaan Allah SWT sebagaimana firman-Nya al-Quran, al-Ikhlas 112: 1-4 (Rahmat 2008; Naik t.th.).

ANALISIS KANDUNGAN BUKU

Kajian mengenai agama-agama di dunia bukan satu kajian yang mudah kerana seseorang yang melakukan kajian terhadap perkara ini mesti menguasai dan mempunyai ilmu yang luas dan menyeluruh mengenai agama-agama dan semua yang terkandung dalam agama itu. Agama adalah sumber utama inspirasi, makna kehidupan, makluman mengenai sejarah; politik; ekonomi; budaya; seni; pengalaman konflik dan kontroversi sesama manusia. Ia adalah kekuatan dinamik yang bersifat trans-nasional utama di seluruh dunia. Pendidikan perbandingan agama adalah kaedah yang sangat berkesan bagi meminimumkan kejihilan mengenai agama-agama dan sifat tidak bertoleransi yang boleh membawa kepada aktiviti ekstremis atau keeganasan dalam kehidupan manusia (Majokah 2009).

Melakukan penganalisaan terhadap buku *Dari Adam Sampai Muhammad* (1976) memerlukan ketelitian kerana buku ini telah dihasilkan dengan penuh cermat, teliti, terperinci dan sangat akademik oleh Dr. H.O.K. Rahmat. Setiap agama yang dijelaskan dalam setiap bab dilakukan secara terperinci merangkumi semua perkara yang asas

dalam membincangkan sesebuah agama. Analisis yang dilakukan di sini merangkumi bentuk penulisan, gaya bahasa, gaya penyampaian, susunan bab, kesalahan ejaan atau tata bahasa, dan juga kelebihan dan daya tarikan buku ini. Kemudian disusuli dengan cadangan dan penambahbaikan hasil dari temu bual pengkaji dengan beberapa orang sarjana perbandingan agama semasa.

Buku *Dari Adam Sampai Muhammad* (1976) karya Dr. H.O.K. Rahmat S. H. membincangkan mengenai agama-agama yang ada di dunia. Bermula dengan agama yang bersifat primitif sehingga kepada agama yang mengesakan Tuhan yang satu. Ilmu perbandingan agama amat penting bagi masyarakat, khususnya kepada masyarakat Islam kerana dapat mempelajari berkenaan agama-agama lain secara mendalam (Petriane 2016) dan dapat mengetahui apa yang terdapat dalam agama Islam tetapi tidak terkandung dalam agama-agama lain. Pengetahuan ini dapat membantu para agamawan menyebarkan dakwah Islam dengan jaya (Naik t.th.).

Hasil tulisan pengarang ini menjadi kebanggaan kerana pada ketika itu kajian perbandingan agama adalah satu cabang baru dalam perkembangan ilmu pengetahuan di Malaysia, lebih-lebih lagi dalam bidang penulisan. Kebanyakan buku mengenai perbandingan agama sebelum tempoh itu adalah hasil karya sarjana-sarjana Indonesia. Kajian mengenai agama juga mempunyai kepentingan tersendiri dan memberi manfaat kepada banyak perkara (Jaffary 2019). Selain dari itu, diskusi antara agama dan negara sentiasa diperdebatkan dalam ilmu perbandingan agama kerana hubungan yang saling berkaitan di antara keduanya (Petriane 2016, Paden 2012).

Kepelbagaiannya agama dalam sesuatu negara menyebabkan wujudnya berbagai-bagai aliran dan kefahaman yang berbeza dari sudut kepercayaan, amalan dan ajaran. Jaffary (2019) menyatakan bahawa dengan kefahaman perbandingan agama, perbezaan yang ada dalam anutan agama-agama tidak akan menimbulkan permasalahan dalam sesuatu organisasi masyarakat dan negara kerana agama itu sendiri adalah suatu bentuk pemeliharaan masyarakat dan jaminan keharmonian. Ali Majokah (2009) menegaskan ilmu perbandingan agama memainkan peranan yang besar dalam membina masyarakat yang harmoni. Pandangan ini dipersetujui oleh sarjana perbandingan agama yang lain seperti Yewangoe (2002: 45) dan Petriane (2016).

BENTUK PENULISAN

Karya *Dari Adam Sampai Muhammad* dimulakan dengan kata pengantar oleh pengarang dengan menerangkan tentang permulaan agama dan apa yang dapat diperoleh dengan melakukan kajian perbandingan agama. Kaedah yang digunakan pengarang dalam menghuraikan berkaitan agama-agama bermula dengan agama primitif sehingga agama Islam adalah secara berperingkat dan dari satu tahap kepada satu tahap yang lain. Ini memudahkan pembaca untuk memahami kandungan buku tersebut walaupun huraian yang dibuat oleh pengarang agak panjang dalam menerangkan satu-satu bab dalam satu-satu agama.

Jaffary menjelaskan pengarang sangat teliti dalam melakukan hasil tulisan ini terutama dari segi kronologi sejarah agama dari satu tempoh masa ke satu tempoh yang lain. Huraian yang dilakukan jelas dalam menceritakan sesuatu agama (Jaffary 2019). Sebagai contoh, dalam sesuatu agama itu diterangkan mengenai sejarah kemunculan agama tersebut, aliran-aliran yang ada dalam agama itu, ibadat yang dilakukan dan rumah-rumah ibadat sesuatu agama. Keselarasan tema-tema yang dibincangkan membolehkan pembaca memahami dan mengenali agama-agama dengan lebih mudah.

GAYA BAHASA

Menyentuh mengenai gaya bahasa yang digunakan dalam buku ini, informan yang kedua menyatakan bahasa yang digunakan mudah difahami pembaca walaupun gaya bahasanya agak menjurus kepada bahasa Melayu lama yang tidak gramatis berbanding dengan bahasa Melayu pada zaman sekarang (Yusri 2019). Contohnya, ayat ‘di Indonesia dikenal pula pemujaan alam’ berbeza dengan penulisan sekarang iaitu lebih mudah dan ayat yang betul ialah ‘di Indonesia terkenal dengan pemujaan alam.’ Namun, kelebihan yang ada dalam buku ini ialah sekiranya pengarang menggunakan bahasa asing selain bahasa Melayu, beliau akan memberi makna terhadap bahasa yang digunakan dalam perenggan yang sama bagi memudahkan pembaca memahami apa yang ingin disampaikan oleh beliau. Sebagai contoh, ‘kata animisme berasal daripada bahasa Latin *anima* yang bererti roh’.

GAYA PENYAMPAIAN

Elemen dalam penyampaian penting dalam semua bentuk penulisan. Gaya penyampaian yang kurang

menarik akan menyebabkan sesuatu tajuk besar yang hendak disampaikan menjadi hambar dan kurang berkesan. Pengucapan atau pemberi ucap yang baik mestilah mengetahui cara penyampaian yang betul supaya apa yang ingin disampaikan kepada khalayak dapat mempengaruhi mereka. Yusri (2019) menjelaskan penyampaian dalam buku ini nampak berkesan kerana huraian yang dilakukan oleh pengarang dalam setiap bab dilihat berkait rapat dengan tajuk yang diulas dan tidak lari dalam menyampaikan penjelasan. Setiap bab yang dijelaskan turut disertakan dengan gambar-gambar berkenaan tokoh-tokoh dan ritual-ritual keagamaan yang dilakukan oleh agama-agama yang dijelaskan.

Pengkaji mendapati apa yang menarik dalam tulisan ini ialah terdapat beberapa persoalan yang ditimbulkan oleh pengarang di pengakhiran bab agama-agama yang diulas. Persoalan yang ditimbulkan adalah berkenaan dengan kaitan antara satu agama dengan satu agama yang dibincangkan dalam buku ini. Persoalan tersebut bukan hanya sekadar persoalan bagi menimbulkan tanda tanya kepada pembaca. Namun persoalan yang ditimbulkan dijawab oleh pengarang dalam kesimpulan bab. Ini memudahkan lagi pembaca untuk memahami dan memperoleh ilmu tambahan dalam mendalami ilmu perbandingan agama. Yusri menjelaskan gaya penyampaian ini adalah terbaik dan mendahului zamannya dalam konteks penulisan di alam Melayu. Walaupun sebenarnya metode yang meminta khalayak pembaca berfikir, mempersoalkan dan membandingkan sesuatu ini telah lama digunakan oleh ahli-ahli falsafah Greek terkenal (Yusri 2019).

Persoalan yang ditimbulkan juga mengajak pembaca amnya supaya membandingkan tentang ajaran, kepercayaan dan amalan yang terdapat dalam satu agama dengan agama yang lain. Contohnya dalam agama Sikh, pengarang mengatakan bahawa para guru dalam agama Sikh adalah contoh bagi kehidupan yang baik. Mereka adalah manusia yang sempurna dan tidak berdosa malahan sanggup menyelamatkan para pengikutnya. Di akhir huraian bab ini pengarang meminta pembaca untuk membandingkan dengan agama Islam, iaitu berkenaan kemaksuman Nabi Muhammad s.a.w. dan syafaat yang diberikan oleh Nabi kepada umatnya.

SUSUNAN BAB

Pengkaji mendapati bab-bab dalam buku ini disusun dengan jelas dan teratur. Ini mungkin bertujuan supaya memudahkan pembaca untuk

melihat susur galur agama itu dan bagaimana kelahiran dan kewujudan sesebuah agama. Terdapat kesinambungan daripada satu bab ke satu bab yang lain. Bab awal buku ini menceritakan tentang agama primitif iaitu agama yang menyembah alam dan berbentuk animisme dan bab-bab selepasnya menceritakan perkembangan agama mengikut susunan yang mudah difahami.

Analisis pengkaji juga mendapati pecahan-pecahan dalam bab atau sub tajuk juga disusun dengan teratur untuk memudahkan kefahaman terhadap buku ini. Huraian dalam setiap bab dan penjelasan berkaitan dengan agama dimulakan dengan pengenalan dan definisi sesuatu agama. Seterusnya dijelaskan mengenai riwayat hidup tokoh-tokoh yang menyebarkan ajaran agama dan amalan-amalan keagamaan yang dipraktikkan. Rumah-rumah dan tempat ibadat juga dijelaskan supaya pemahaman terhadap agama itu merangkumi semua perkara. Perkara ini berjaya dibawa oleh pengarang dengan susunan penulisan yang dilakukan. Penilaian ini diperakui oleh Jaffary dalam sesi temu bual mengenai susunan penulisan dan kepengarangan tokoh dalam buku beliau (2019).

KESALAHAN EJAAN DAN TATABAHASA

Sepanjang kajian dan pembacaan yang dilakukan oleh pengkaji ke atas karya *Dari Adam Sampai Muhammad* telah mendapati bahawa tiada kesalahan ejaan atau tata bahasa ditemui dalam bab-bab yang terdapat dalam buku ini yang dilakukan oleh pengarang. Hal ini menunjukkan bahawa pengarang menulis dengan teliti dan sangat fokus dalam penulisan yang dilakukan. Ini juga menunjukkan ketelitian peribadi tokoh sendiri sebagaimana yang dikagumi oleh anak-anak beliau (Rahmita Wirza 2015).

KELEBIHAN DAN DAYA TARIKAN

Pengkaji melihat kelebihan dan daya tarikan yang ada pada buku ini adalah pendekatan yang digunakan oleh pengarang dalam membincangkan sesuatu agama. Penjelasan yang dilakukan pengarang adalah konsisten bermula dengan menjelaskan berkenaan dengan bagaimana sesuatu agama itu lahir atau wujud. Seterusnya diterangkan pula dengan ajaran dan amalan yang terdapat dalam agama tersebut. Penjelasan yang dilakukan juga mengandungi kitab suci yang dipercayai dan diamalkan oleh pengikut agama-agama tersendiri. Menurut Jaffary (2019) kandungan buku yang konsisten berdasarkan

tema-tema yang sama yang dibicarakan terhadap sesuatu agama amat membantu para pembaca dalam mengidentifikasi dan memahami semua agama yang dibentangkan dalam buku tersebut.

Selain itu, buku ini juga tidak hanya memfokuskan kepada membincangkan hanya kepada satu agama sebagaimana yang terdapat pada buku-buku lain yang membicarakan berkaitan dengan agama. Oleh hal yang demikian dapat dikatakan buku ini mempunyai daya tarikannya tersendiri kerana membicarakan item-item yang bermula daripada awal lahirnya sesuatu kepercayaan dalam diri manusia sehingga kepada kepercayaan kepada ajaran yang disebut sebagai agama.

CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Hasil daripada pengkajian pengkaji secara literatur dan temu bual bersama beberapa sarjana perbandingan agama, terdapat sedikit cadangan dan penambahbaikan terhadap buku ini walaupun buku ini sudah sedia sempurna diterbitkan dan diguna pakai di Malaysia. Pertama dicadangkan tentang gaya bahasa. Bahasa yang digunakan dalam buku ini agak klasik dan tidak seperti Bahasa Melayu yang kebiasaan digunakan pada hari ini. Kemungkinan faktor tahun buku ini ditulis menjadi sebab mengapa bahasa yang digunakan agak tidak menepati gaya bahasa yang digunakan pada masa sekarang. Terdapat kebarangkalian untuk diadakan sesi edisi suntingan Bahasa Melayu yang lebih terkini terhadap buku ini sekiranya terdapat perancangan untuk melakukan penerbitan semula edisi baharu (Jaffary 2019).

Seterusnya pengkaji dan para sarjana mencadangkan supaya mencetak gambar-gambar yang digunakan sebagai contoh dalam buku ini supaya lebih jelas atau ditukar kepada gambar yang berwarna supaya lebih menarik perhatian pembaca untuk menatap buku ini (Jaffary 2019, Yusri 2019). Gambar-gambar atau ilustrasi yang sedia ada dalam buku ini agak kabur dan kurang jelas untuk diamati oleh pembaca, orang awam dan pengkaji-pengkaji. Walau bagaimanapun, penjelasan atau keterangan yang diberikan di bawah gambar atau ilustrasi yang disediakan oleh pengarang telah sangat banyak membantu kefahaman pembaca.

Penambahbaikan yang perlu dilakukan dalam buku ini menurut pandangan pengkaji ialah buku ini seeloknya disertakan dengan pengenalan ilmu perbandingan agama. Pengenalan ilmu perbandingan agama penting untuk memberi kefahaman awal

kepada pembaca tentang perbandingan agama berkaitan dengan sejarah kemunculan agama-agama dan semua aspek yang ada di dalamnya. Ia juga perlu disertakan supaya pembaca mengetahui apa tujuan perbandingan agama dilakukan dan matlamat bidang ilmu ini (Jaffary 2019).

Cadangan seterusnya yang difikirkan perlu juga ialah supaya buku ini menyertakan biodata pengarang buku dalam penerbitannya akan datang. Dalam penerbitannya yang pertama sehingga percetakannya yang terakhir buku ini tiada biodata ataupun sedikit pengenalan berkaitan pengarang yang kebiasaananya terdapat dalam buku-buku lain. Pengenalan kepada pengarang sangat perlu supaya pembaca mengenali dan mendapat sedikit sebanyak pengetahuan berkaitan dengan latarbelakang dan peribadi pengarang (Yusri 2019).

Cadangan terakhir dari pengkaji ialah buku ini juga lebih elok sekiranya diterbitkan semula oleh penerbit tetapi dihasilkan secara berjilid atau bersiri. Hal ini kerana buku ini agak tebal dan kurang mendapat perhatian orang awam khususnya untuk membaca sesebuah buku ilmiah dengan kadar ketebalan begitu. Sekiranya dihasilkan secara berjilid, contohnya, jilid satu menerangkan tentang satu bahagian agama dan jilid kedua pula menerangkan tentang bahagian agama yang lain. Ini mungkin lebih memudahkan dan memfokuskan pembaca untuk memahami isi kandungan buku yang dikarang (Yusri 2019).

Oleh kerana kajian mengenai Dr. H.O. Rahmat dan karya beliau sememangnya satu kajian yang pertama kali dilakukan dalam bidang perbandingan agama ini, maka pengkaji mencadangkan beberapa cadangan lain untuk kajian akan datang. Cadangan kajian untuk masa hadapan adalah dengan melakukan kajian berkaitan dengan faktor-faktor mengapa bidang perbandingan agama tidak banyak diceburi oleh sarjana-sarjana dan intelektual di Malaysia. Cadangan yang kedua ialah mengadakan kajian mengenai tokoh-tokoh lain yang juga merupakan sarjana yang awal menghasilkan karya berkaitan dengan agama-agama iaitu tokoh bernama Muhammad Fauzi bin Haji Awang. Buku beliau berjudul *Ugama-ugama Dunia* juga diterbitkan pada tahun 1964 oleh penerbit yang sama iaitu Pustaka Aman Press Sdn Bhd., Kota Bharu, Kelantan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, analisis-analisis yang dilakukan terhadap buku *Dari Adam Sampai*

Muhammad (1976) karya Dr. H.O.K. Rahmat S.H. ini adalah berdasarkan pandangan-pandangan pengkaji dan turut menyertakan pandangan-pandangan dari beberapa sarjana Barat dan sarjana ilmu perbandingan agama semasa tanah air. Ternyata buku tokoh ini merupakan satu karya ilmiah yang mengupas dan membincangkan secara cukup terperinci dan menyeluruh mengenai agama-agama dunia, meliputi ajaran, amalan, dan kitab suci bagi satu-satu agama. Dr. H.O.K. Rahmat sememangnya merupakan seorang ilmuwan yang telah lama berkecimpung dalam bidang pengajian agama. Kecenderungan beliau dalam bidang agama dapat dilihat daripada latar belakang pendidikan dan kerjaya beliau yang menjurus kepada bidang agama. Penulisan beliau dalam bidang perbandingan agama banyak memberi manfaat kepada masyarakat dan membantu orang awam mengenali dengan lebih mendalam tentang agama-agama yang ada supaya mendapat kefahaman yang jelas dan melahirkan sikap menghormati dan saling menyantuni dalam diri masyarakat. Kewibawaan dan sumbangan beliau sesungguhnya amat signifikan dalam dunia ilmu perbandingan agama tanah air.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada GGPM-2017-018 kerana menaungi dan membiayai penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abu Ahmadi. 1991. *Perbandingan Agama*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Ahmad Shalaby. 1977. *Perbandingan Agama: Agama Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- A. Yewangoe. 2002. *Agama dan Negara*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar Celeban Timur.
- Aslan, R. 2017. *God: A Human History*. New York, USA: Random House Books.
- Djohan Effendi. 1995. *Agama-agama Manusia*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Dods, M. 2016. *Mohammed, Buddha and Christ*. New York, USA: Charles Scribners' Sons & Forgotten Book & Co. Ltd. [Http://www.forgottenbooks.com](http://www.forgottenbooks.com). 12.2.2019.
- Doyce, M. 2010. Zoroastrianism. Dalam John R. Hinnells. (Ed.). *The Penguin Handbook of the World Living Religions*. USA: Penguin Reform Library.
- Jaffary Awang. 2019. ‘Kepentingan Pengajian Perbandingan Agama’ dan ‘Teknikal Penulisan Buku Dari Adam Sampai Muhammad’. Temu bual 27 September 2019. Profesor Madya dan Pensyarah Perbandingan Agama, Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haslina Ibrahim, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Suraya Sintang, Nurhanisah Ahmad. 2013. ‘The Role of Comparative Religion Curricula in Intra-Inter Civilizational Dialogue’. *Journal Religious Education: The Official Journal of Religious Education*. Taylor & Francis Online. 28-40. 19.2.2019.
- H.O.K. Rahmat. 2008. *Dari Adam Sampai Muhammad*. Edisi 4. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Devon, F. B. 1977. *Comparative Religion*. London: Cambridge University Press.
- Kellos, Rev. S.H. 2016. *Handbook of Comparative Religion*. New York, USA: Charles Scribners' Sons & Forgotten Book & Co. Ltd. <Http://www.forgottenbooks.com>. 12.2.2019.
- Majokah, Ali. 2009. *Comparative Religious Education and Its Role in Creating a Harmonious Society*. Australian Mosaic. Http://www.amf.netlibrary/uploads/files/Mosaic_Article.pdf. 19.2.2019.
- Menzies, Allan. 2016. *History of Religion*. New York, USA: Charles Scribners' Sons & Forgotten Book & Co. Ltd. <Http://www.forgottenbooks.com>. 12.2.2019.
- Naik, Zakir Abdul Karim. T.Th. *Concept of God in Major Religions*. T. Tpt: Islamic Research Foundation. <Http://www.allahsword.com/ebooks/Comparative%20Religion/ CONCEPT%20OF%20GOD%20IN%20MAJOR%20RELIGIONS.pdf>. 15.2.2019
- Paden, W. E. 2016. *New Pattern to Comparative Religion, Passages to Evolutionary Perspective*. New York: Bloomsbury Academy.
- Park, G. K. 2019. Animism. Dalam *Encyclopedia of Britannica*. <https://www.britannica.com>. 29.9.2019
- Petriane, Th. 2016. Why Studying Religion is More Important Than Ever? *America Jesuit Review*. <http://www.americamagazine.org>. 14.2.2019.
- Quraishi, N. 2016. *No God but One: Allah or Jesus*. Michigan, USA: Zondervan.
- Rahmita Wirza Binti O. K. Rahmat. 2015. ‘Biodata Dr. H.O.K. Rahmat’. Temu bual, 7 Ogos. Anak kepada Dr. H O. K. Rahmat dan Pensyarah di Universiti Putra Malaysia.
- Tan, Wen Jie (Fred). 2017. ‘The Secular Benefits of Comparative Religious Education’. *Brigham Young University Prelaw Review*. Vol. 31, Article 14, 4-2017, 154-173. <Http://scholarsarchive.byu.edu/byu plr/vol31/iss1/14>. 19.2.2019.
- Yusri Mohammad Ramli. 2019. ‘Metodologi Penulisan Buku ‘Dari Adam Sampai Muhammad’’. Temu bual 30 September 2019. Pensyarah Perbandingan Agama, Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

PENGARANG

Dr. Indriaty Ismail (Pengarang Koresponden)
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia
indriaty@ukm.edu.my

Muhammad Khairul Anuar Mohd Saupi
Sarjana Muda Pengajian Islam
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia
khairulanuar.saupi@yahoo.com